



KONGSI ILMU: Pelajar-pelajar BSKP UPMKB bersama kakitangan Pertama Ferroalloys Sdn Bhd pada sesi lawatan ke kilang tersebut di Bintulu semalam.

Pelajar BSKP UPMKB adakan lawatan industri ke Pertama Ferroalloys

BINTULU: Bagi memantapkan pemahaman mengenai sektor perindustrian, seramai 20 pelajar program Bachelar Sains Kimia Perindustrian (BSKP) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) mengadakan lawatan ke syarikat pengeluaran aloi mangan iaitu Pertama Ferroalloys di Taman Perindustrian Samalaju di sini, semalam.

Lawatan itu bagi memberi pendedahan praktikal kepada pelajar-pelajar mengenai operasi industri kimia dan aplikasi nyata daripada teori dipelajari dalam bilik kuliah.

Ketibaan rombongan

pelajar terbabit disambut mesra oleh Pengurus Sumber Manusia Porida Sumin termasuk bahagian pentadbiran dan IT syarikat.

Dalam ucapannya, beliau berharap agar pelajar-pelajar memanfaatkan sebaiknya ilmu yang mereka perolehi serta pelajari sepanjang lawatan tersebut.

“Apa yang penting dapat mendedahkan secara langsung operasi harian kilang mengeluarkan produk berkaitan sekali gus membolehkan mereka memahami sektor perindustrian secara keseluruhannya,” kata beliau.

Program lawatan itu dimu-

lai dengan sesi pembentangan latar belakang syarikat, proses pengeluaran aloi mangan termasuk aplikasi produk mereka dalam industri oleh Jurutera Kanan Bahagian Pengeluaran Damien Mering Kebing.

Dalam perkembangan sama, Pensyarah Kursus Prinsip Teknologi Kimia Dr Ellie Teo berkata, pengalaman praktikal seperti ini sangat penting bagi memperkaya ilmu pengetahuan pelajar.

“Lawatan industri ini bukan sahaja memberi pendedahan praktikal kepada pelajar tetapi membuka peluang kepada mereka mema-

hami cabaran dan peluang industri kimia,” katanya.

Menurut beliau, ia juga dapat memberi inspirasi kepada semua penggiat industri khususnya pelajar mengenai prospek kerjaya dalam bidang berkaitan.

Sesi lawatan itu kemudian diakhiri dengan bergambar dan penyampaian cenderamata sebagai penghargaan daripada UPMKB kepada Pertama Ferroalloys Sdn Bhd atas kesudian mereka menerima lawatan tersebut.

Hadir sama wakil Jabatan Sains dan Teknologi UPMKB Dr Omar Faruqi Marzuki dan Dr Alvin Lim Teik.